

16/01/2004

Program nilai untuk negara harus dilaksana

Lee Lam Thye

TAHUN baru disambut dengan penuh azam dan harapan. Banyak yang membuat azam baru dengan harapan tahun baru ini akan membawa kebaikan kepada kesihatan, kemajuan dan pembangunan.

Sesungguhnya 2003 adalah tahun penuh dengan pelbagai peristiwa tetapi apa yang paling menarik ialah pemindahan kuasa secara licin dan lancar daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Sekiranya saya ditanya apakah azam tahun baru saya, jawapan saya, tanpa ragu-ragu adalah supaya Malaysia menjadi negara yang kekal harmoni, aman, bersatu dan progresif berdasarkan asas moral dan etika yang kuat.

Adalah amat penting bagi Malaysia untuk terus wujud sebagai satu wadah keamanan dan kestabilan melalui pegangan polisi yang sederhana dan progresif.

Rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum berharap kerajaan di bawah kepimpinan Abdullah akan meningkatkan ekonomi, mengekalkan keamanan dan kestabilan, meningkatkan perpaduan, mengekalkan hak semua rakyat Malaysia dan berusaha untuk mencapai keseimbangan di antara pembangunan ekonomi dan teknologi maklumat dengan pembangunan sosial dan moral.

Memandangkan kita masih berhadapan dengan pelbagai masalah sosial, kita perlu meninjau kembali nilai masyarakat kita.

Tahun lalu kita telah melihat pelbagai masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, keganasan dan jenayah oleh golongan remaja, penurunan nilai moral dan sikap angkuh pengguna jalan raya.

Ini adalah petunjuk kepada penurunan nilai di dalam masyarakat kita yang sekiranya tidak ditangani dengan bijak dan berkesan akan menjejaskan aspirasi kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju sepenuhnya.

Dunia hari ini berhadapan dengan satu fenomena yang menggugat. Setiap kali pembangunan ekonomi dan modenisasi wujud dan menyebabkan peningkatan mutu kehidupan, masalah baru seperti penurunan nilai kemanusiaan dan moral timbul.

Kita bukan saja terpaksa menghadapi masalah sosial dan cabaran ekonomi tetapi juga isu yang sangat penting terhadap integrasi perkauman, perpaduan dan usaha membangunkan negara.

Apa yang sangat tidak menyenangkan ialah tidak satu hari pun berlalu tanpa laporan mengenai penyakit sosial dan kejadian jenayah dengan kebanyakannya adalah berbentuk keganasan.

Ini menyebabkan banyak pihak mengajukan pertanyaan apa terjadi di dalam masyarakat kita. Jalan keluar yang mudah ialah dengan menganggap ia sebagai kejadian terpinggir dan berharap kegilaan itu akan lenyap dan kehidupan kembali pulih selepas itu.

Tetapi kenyataannya ialah jenayah terus dilakukan hampir setiap hari. Kita perlu meneliti punca perbuatan jenayah ini dan mencari sebab-sebabnya. Apa yang lebih tidak menyenangkan ialah budaya ganas yang dibawa oleh penjenayah pada hari ini.

Budaya ganas ini perlu dikaji dan kaedah untuk menanganinya dicari sebelum masalah ini menjadi lebih buruk.

Mungkin sudah sampai masanya pihak kerajaan mengadakan forum awam sama seperti forum keselamatan jalan raya untuk membincangkan secara menyeluruh isu dan permasalahan yang bersangkutan dengan jenayah di dalam negara kita.

Bagaimanakah harus kita menangani masalah ini? Pada saya satu program

menyeluruh untuk menerapkan nilai murni diperlukan pada semua peringkat termasuk kanak-kanak, pemuda dan orang dewasa.

Kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan seluruh masyarakat perlu memulakan satu program "nilai untuk negara kita" secara besar-besaran untuk memberi kesedaran mengenai nilai kemanusiaan di dalam masyarakat kita.

Dasar Sosial Negara yang bertujuan membentuk dan merealisasikan satu masyarakat Malaysia yang ada pegangan moral dan keagamaan yang kuat, bersedia secara fizikal dan mental untuk membangunkan negara dan pada masa sama dapat mengurangkan jenayah pengaruh yang negatif, perlu dilaksanakan dengan segera.